PERUTUSAN GABENOR

Tahun 2014 menandakan tahun peralihan untuk ekonomi dunia. Seiring dengan pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju utama, dasar monetari akomodatif yang berpanjangan akan kembali kepada keadaan yang normal. Meskipun pelarasan struktur dan perubahan keinstitusian yang sedang dilaksanakan akan turut menyumbang kepada pengukuhan proses pertumbuhan, namun masih wujud cabaran untuk mengurus tempoh peralihan ini agar proses pemulihan tidak terjejas. Ekonomi sedang pesat membangun, terutamanya di Asia, kekal berdaya tahan semasa tempoh kelembapan ekonomi global yang berlarutan ini, dan akan mendapat manfaat daripada pemulihan global ini. Kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun telah meneruskan usaha pembaharuan bagi mengukuhkan prospek pertumbuhan jangka sederhana, di samping menangani bidang-bidang yang mempunyai kelemahan.

Meskipun usaha untuk mengembalikan keadaan monetari ekonomi maju kepada keadaan yang normal akan memberikan kesan positif kepada ekonomi dunia memandangkan ia mencerminkan keadaan ekonomi yang bertambah baik, bagaimanapun usaha ini telah disusuli oleh ketidaktentuan yang semakin ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa. Dalam tempoh ini, ekonomi sedang pesat membangun mengalami pertukaran arah aliran modal yang mendadak. Limpahan dasar dan kesan penularan merupakan risiko yang mungkin dihadapi oleh ekonomi sedang pesat membangun semasa tahun peralihan ini. Kesan daripada perkembangan tersebut kepada ekonomi sedang pesat membangun adalah berbeza-beza. Walau bagaimanapun, pembaharuan yang dilaksanakan sebelum ini dan instrumen dasar yang lebih pelbagai, telah membolehkan kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun mengurus dengan lebih berkesan keadaan yang amat tidak pasti dan tidak menentu ini.

Keadaan ekonomi di Malaysia terus bertambah baik dan ekonomi negara dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil semasa melangkah ke tahun 2014 dan 2015. Meskipun ekonomi akan terus meraih manfaat daripada pemulihan global yang berlaku secara beransur-ansur, permintaan dalam negeri yang diterajui sektor swasta, masih merupakan pemacu utama pertumbuhan. Pembaharuan dan inisiatif yang diperkenalkan sebelum ini banyak memberikan manfaat kepada ekonomi negara, dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan swasta. Perbelanjaan modal yang menyeluruh merentas sektor ekonomi dan kawasan geografi yang diunjurkan mencatat pertumbuhan kukuh buat tahun kelima berturut-turut, mencerminkan usaha yang sedang dilaksanakan berhubung dengan peralihan negara ke arah menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi. Sektor isi rumah juga kekal berdaya tahan. Aktiviti penggunaan swasta disokong oleh kenaikan pendapatan yang mampan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil.

Malaysia, sebagai ekonomi yang sangat terbuka dengan sistem kewangan yang semakin liberal, telah menerima kesan yang nyata daripada perkembangan di luar negeri. Meskipun ketidaktentuan aliran modal meningkat dalam beberapa bulan kebelakangan ini, pasaran kewangan domestik kekal teratur, dan pengantaraan kewangan tidak mengalami sebarang gangguan. Ini sebahagian besarnya merupakan hasil pembaharuan yang dilaksanakan sejak sedekad yang lalu untuk membangunkan sistem kewangan domestik yang lebih berdaya tahan. Selain itu, paras rizab antarabangsa yang tinggi, hutang luar negeri yang rendah dan lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran, terus memperkukuh ekonomi negara dan keupayaannya untuk menangani kejutan luaran. Walaupun berdepan ketidaktentuan jangka pendek, pelarasan struktur dan transformasi ekonomi negara yang sedang dilaksanakan akan mengukuhkan asas-asas ekonomi dan prospek pertumbuhan dalam jangka masa sederhana.

Bagi ekonomi dalam negeri pula, fokus ditumpukan pada pengurusan beberapa cabaran besar untuk mengukuhkan potensi kemampanan prospek pertumbuhan jangka sederhana negara. Susulan kos yang semakin meningkat, ekonomi dalam negeri sedang memasuki tempoh paras harga yang lebih tinggi. Inflasi pada tahun 2014 dan 2015 diunjurkan melebihi paras purata yang pernah dicatatkan, iaitu antara 3% hingga 4%. Semakan terhadap harga ditadbir beberapa barangan, faktor-faktor kos domestik yang lebih tinggi dan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) pada tahun 2015, dibuat ketika harga komoditi dunia adalah agak sederhana, tekanan permintaan dalam negeri yang sederhana serta jangkaan inflasi tegar. Oleh itu, pelarasan harga ini dijangka mempunyai kesan sementara kepada inflasi. Kesan pelarasan ini akhirnya akan luput dan inflasi dijangka stabil sekitar kadar purata jangka panjangnya pada 3%. Peningkatan dalam produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi dalam sektor perniagaan menyumbang ke arah usaha mengawal pindahan kos yang lebih tinggi kepada pengguna.

Ketika Kerajaan meneruskan pelaksanaan rancangannya untuk mengawal defisit fiskal dan tahap hutang sektor awam, cabaran yang wujud adalah untuk mencapai kemampanan fiskal dan pada masa yang sama, menyokong pertumbuhan. Pembaharuan fiskal adalah penting untuk memperkukuh daya tahan ekonomi secara keseluruhan, dan meningkatkan ruang bagi dasar fiskal mengurus kejutan yang tidak dijangka pada masa hadapan. Proses konsolidasi fiskal telah sebahagian besarnya dilaksanakan secara berperingkat untuk mengurangkan kemungkinan kesan yang buruk terhadap ekonomi. Ini turut disokong oleh langkah-langkah menggalakkan pertumbuhan, untuk mengelakkan daripada terjadinya gangguan terhadap aktiviti ekonomi dan juga penyisihan segmen masyarakat yang lemah. Kedudukan hasil yang bertambah baik dan perbelanjaan sektor awam yang lebih cekap akan meningkatkan potensi untuk pembangunan sistem perlindungan sosial yang lebih komprehensif dan pelaburan yang berterusan dalam pembangunan infrastruktur di Malaysia.

Dalam persekitaran yang lebih kompleks dan mencabar ini, tumpuan pelaksanaan pelbagai dasar yang wajar oleh Bank, adalah untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan, selain menangani risiko yang wujud daripada ketidakstabilan yang berpunca daripada ketidakseimbangan kewangan, dan pada masa yang sama, menyokong pertumbuhan yang inklusif. Walaupun dasar monetari

merupakan instrumen dasar yang penting, Bank juga bergantung kepada pelbagai instrumen dasar untuk mencapai objektif ini. Fokus dasar monetari terus tertumpu pada usaha untuk mengekalkan kestabilan harga dalam persekitaran pertumbuhan yang mampan. Walau bagaimanapun, turut tersirat dalam pertimbangan dasar tersebut adalah untuk memastikan penetapan kadar faedah tidak mengakibatkan herotan kewangan yang meluas atau amalan pengambilan risiko yang keterlaluan dalam ekonomi. Bagi menangani risiko ketidakseimbangan kewangan mengikut sektor, pendekatan khusus yang lebih bersasaran, dalam bentuk langkah-langkah kehematan makro dan mikro, telah dilaksanakan. Walaupun dasar yang lebih pelbagai digunakan, langkah-langkah ini bukanlah pengganti kepada pendirian dasar monetari yang konsisten dengan prospek keadaan ekonomi dan kewangan di negara ini.

Pada tahun 2013, inisiatif juga terus dijalankan untuk menambah baik lagi struktur sistem kewangan, bagi membantu pengantaraan yang lebih berkesan dan menjadikan amalan pengurusan risiko lebih baik. Dalam perkembangan pasaran bon yang selanjutnya, terbitan nota dengan tempoh matang 30 tahun oleh Kerajaan memperdalam lagi pasaran bon negara, sekali gus menjadi tanda aras pembiayaan projek jangka panjang oleh sektor swasta. Satu lagi perkembangan penting yang dijangka berlaku pada tahun 2015 ialah pengenalan kadar rujukan yang baharu, iaitu Kadar Asas (Base Rate). Kadar Asas yang menentukan kos pinjaman kadar terapung oleh bank akan menggantikan Kadar Pinjaman Asas yang telah digunakan selama lebih 30 tahun. Penambahbaikan kepada rangka kerja kadar faedah ini bertujuan menjadikan kadar rujukan baharu ini lebih relevan bagi sektor kewangan, selain mengukuhkan mekanisme penentuan kos yang lebih berasaskan pasaran, dan pada masa yang sama, dapat memastikan ketelusan yang lebih tinggi bagi isi rumah dan perniagaan.

Seiring dengan integrasi kewangan yang lebih kukuh, kerjasama antara bank pusat untuk meningkatkan daya tahan bersama juga diperkukuh pada tahun 2013. Kerjasama telah diperkukuh dalam bidang pengawasan merentas sempadan, dan pembentukan rangka kerja pengurusan krisis yang bersepadu untuk menangani lebih awal ancaman terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan serantau. Sumber kewangan yang diperuntukkan untuk pengurusan krisis telah, dan akan terus, ditambah menerusi pengaturan cagaran merentas sempadan dan pengaturan swap pelbagai hala yang baharu. Insiatif Multilateralisasi Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) juga sedang ditambah baik untuk mengukuhkan jaring keselamatan kewangan serantau. Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif tersebut memajukan dan mengukuhkan pengaturan dan mekanisme keinstitusian, sebagai sebahagian daripada seluruh arkitektur kewangan serantau untuk menyokong kestabilan serantau.

Pada tahun 2013, Bank menubuhkan Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di Beijing dan ini merupakan suatu pencapaian penting bagi Bank. Sebagai pejabat perwakilan yang ketiga di luar negeri selepas London dan New York, Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di Beijing ini berperanan sebagai pusat penghubung yang penting dengan pengawal selia dan juga peserta pasaran kewangan China untuk menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan negara tersebut.

Di Bank, usaha-usaha untuk menambah baik keupayaan institusi terus dilaksanakan untuk memastikan Bank melaksanakan mandatnya dengan berkesan. Sama pentingnya adalah untuk berada dalam keadaan bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan. Pelaburan yang sedang dilaksanakan dalam pengurusan tenaga mahir sejak beberapa tahun yang lalu telah menyumbang kepada daya tahan institusi kita yang kukuh. Pada tahun 2013, lebih banyak program latihan berstruktur diperkenalkan untuk mempercepat pencapaian kompetensi, manakala lebih banyak program pembangunan kepemimpinan yang berfokus disediakan untuk jawatan-jawatan kritikal misi. Dengan berpandukan pelan urusan dan amalan pengurusan risiko Bank, tumpuan yang jelas pada hasil strategik dan kesedaran mengenai bidang yang mempunyai potensi risiko, memastikan langkah pengurangan dan persediaan diwujudkan untuk membantu pengurusan risiko dan perkembangan yang tidak dijangka. Pengurusan kewangan dan pengendalian operasi yang cukup rapi terus menyokong peruntukan sumber secara yang berkesan, serta pengurusan pelbagai permintaan dengan tahap keutamaan yang berbeza. Pada tahun 2013, perbincangan dan interaksi Bank dengan institusi lain, termasuk institusi antarabangsa, juga terus ditingkatkan, dengan termeterainya beberapa pengaturan formal untuk meningkatkan usaha kerjasama yang lebih erat.

Melangkah ke hadapan, kita menyedari bahawa persekitaran antarabangsa dan domestik akan terus memberi tekanan terhadap kapasiti dan keupayaan Bank. Kesediaan dan keberkesanan Bank yang berterusan dalam menjalankan tanggungjawabnya memerlukan tenaga kerja yang bersepadu yang komited untuk mencapai prestasi terbaik selain jalinan kerjasama yang teguh dengan institusi-institusi rakan Bank. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan, saya ingin merakamkan penghargaan kami yang setulusnya kepada semua kakitangan Bank atas komitmen dan profesionalisme mereka untuk memastikan Bank terus berkhidmat demi kepentingan negara. Saya juga merakamkan terima kasih saya atas sokongan padu dan bimbingan daripada Lembaga Pengarah, yang merupakan tonggak penting dalam tadbir urus Bank. Bank akan terus berusaha dengan gigih untuk mencapai standard kecemerlangan tertinggi dalam menyempurnakan tanggungjawabnya dan memenuhi kepercayaan yang diamanahkan kepada kami dengan sebaiknya.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
19 Mac 2014